



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Anarkis

Nama Khairul Nizam Khairani mungkin kedengaran agak janggal dalam kalangan pembaca novel-novel cinta. Namun, nama beliau tidak asing bagi penggemar-penggemar yang cenderung membaca novel bergenre seperti fiksyen sains dan *thriller*. Beliau mula aktif dengan penulisan blog sejak tahun 2011. Penulis juga menghasilkan banyak karya dengan genre itu antaranya *Lawan*, *Gergasi*, *Kudeta Intro*, dan *Kudeta Klimaks*.

Tidak ketinggalan, beliau juga menghasilkan sebuah novel thriller yang bertajuk *Anarkis*. Novel ini pernah diterbitkan oleh PTS Fortuna pada tahun 2010. Ia akan diterbitkan semula di bawah terbitan PTS Media Group dalam edisi kemas kini. *Anarkis* yang padat dengan aksi pertempuran banyak menggunakan gaya penulisan secara *flashback*, namun tidak membosankan.

Karya ini sesuai dimiliki oleh pembaca yang sukakan aksi dan penyiasatan. Beliau mengembangkan plot-plot cerita dengan penuh mendebarkan. Penulis menarik pembaca untuk tahu bagaimana Sarjan Awai terjebak dan terperangkap dengan konspirasi kuasa besar dunia. Kerana terlalu mengikut perasaan, Sarjan Awai bertindak di luar batasan dengan membunuh seorang jeneral pasukan tentera Serbia, Jeneral Revan Tanovic. Namun, kejadian yang berlaku bukan seperti yang dijangkakan. Ada perkara yang menjadi komplot besar kepada Sarjan Awai. Di sini, pembaca dapat mengambil inspirasi semangat kental Sarjan Awai yang berjuang membuktikan kebenaran. Semangat juangnya dapat dilihat walaupun beliau dituduh bersalah dalam jenayah besar oleh semua pihak.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my